



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

TUJUH INISIATIF BAHARU KWP DI BAWAH INISIATIF WILAYAH CAKNA 5.0

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi mewujudkan Inisiatif Wilayah Cakna (IWC) 5.0 khusus kepada warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) khususnya kepada golongan B40 dan miskin. IWC 5.0 tidak melibatkan kluster petugas barisan hadapan dan pesakit serta PUI (patient under investigation) COVID-19.

Saringan Komuniti Bersasar

KWP melalui DBKL melaksanakan **saringan komuniti bersasar** kepada 20,000 orang warga emas dan kumpulan rentan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur secara percuma bermula pertengahan Jun di empat (4) lokasi Projek Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR MTEN), Perumahan Awam (PA) DBKL dan Kampung Tradisi. Proses saringan akan dikekelolakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang memberi tumpuan kepada lokasi PKPD. Inisiatif itu dilakukan memandangkan kebanyakan warga Kuala Lumpur yang tidak bergejala menjadi pembawa penyakit senyap (*silent carrier*) sehingga menyebabkan gelombang keempat wabak COVID-19 di sesuatu kawasan.

Trak Vaksin Bergerak MYMedic@Wilayah

67 PPR akan menerima suntikan vaksin percuma menerusi **Trak Vaksin Bergerak** (*Mobile Vaccine Trucks*) dengan melibatkan 3 (tiga) trak MYMedic@Wilayah yang memanfaatkan kira-kira 20,000 warga emas dan kumpulan rentan. Sebanyak RM7 juta diperuntukan oleh KWP dan DBKL bagi membiayai program penvaksinan tersebut. Seramai 900 orang disasarkan menerima vaksin pada setiap hari dengan melibatkan tiga (3) lokasi tumpuan. Penvaksinan melalui kaedah ini dapat memastikan semua warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur divaksin sepenuhnya menjelang akhir tahun 2021.

Penvaksinasian Gelandangan

Golongan gelandangan juga tidak terkecuali untuk menerima vaksin bagi mereka yang telah menjalani ujian saringan COVID-19 bermula 27 Mei 2021 ini. Fasa pertama melibatkan seramai **119 gelandangan** yang menghuni di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur, Anjung Kelana Taman Desa dan Anjung Singgah. Manakala, baki gelandangan seramai **132** orang yang juga telah menjalani ujian saringan COVID-19 pada 24 Mei 2021 akan divaksin secara berperingkat di Dewan Komuniti Sentul Perdana, Kuala Lumpur. Kesemua

gelandangan yang telah menerima vaksin boleh terus menyertai program pembangunan sendiri termasuk aktiviti pertanian bandar di Anjung Kelana, Kuala Lumpur.

Kelas Digital SPM MAHIR Tutor

Sebagai bantuan kepada pelajar yang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang terkesan dengan penutupan sekolah akibat COVID-19 pada tahun ini, KWP dan Yayasan Wilayah Persekutuan akan memberikan **Kelas Digital SPM MAHIR Tutor** kepada semua calon SPM di Wilayah Persekutuan mulai 1 Jun 2021 sehingga tarikh tamat peperiksaan. Kelas Digital SPM MAHIR Tutor ini akan merangkumi 10 subjek teras/wajib lulus/kritikal SPM iaitu matapelajaran (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Islam, Matematik, Sains, Fizik, Kimia, Biologi, Matematik Tambahan). Kesemua kelas pembelajaran SPM MAHIR Tutor ini telah direkodkan dalam (*video on demand*) yang membolehkan pelajar untuk mengaksesnya melalui semua jenis peranti dan berinteraksi dgn tutor melalui *live chat*. Selain itu, bagi memastikan kelancaran proses pembelajaran secara atas talian, pihak DBKL akan melaksanakan pemasangan Wi-Fi percuma di semua lokasi terlibat.

Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB)

Penjaja dan peniaga kecil Wilayah Persekutuan juga turut diberi **pengecualian bayaran bagi pembaharuan lesen perniagaan sehingga 31 Disember 2021** menerusi **Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB)** yang melibatkan kira-kira **4,510 peniaga berlesen** di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Susunan dan lokasi gerai akan disusun semula bagi mengelakkan pengelompokan peniaga di sesuatu kawasan tumpuan. Sehingga kini, KWP telah menerima 7,842 permohonan bagi IWBB.

Usahawan Anak Muda Kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) pula dijadikan ruang perniagaan harian dengan jumlah peniaga yang terhad khusus kepada belia di bawah program Usahawan Anak Muda Kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 50 petak perniagaan berukuran 8 kaki persegi dengan jarak 8 kaki di antara setiap gerai bakal beroperasi dalam masa yang terdekat. Bermula Julai 2021, KWP dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negara menawarkan program latihan keusahawanan di bawah kelolaan INSKEN di beberapa lokasi perniagaan. Usahawan di Wilayah Persekutuan boleh menyertai kursus Go-eCommerce dan memohon bantuan keusahawanan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (**PENJANA**) seperti, pembiayaan khas melalui TEKUN Nasional serta Bank Simpanan Nasional, Geran Khas Prihatin serta Pinjaman Mikro bagi Usahawan Kreatif.

Pemantauan dan Penguatkuasaan SOP

DBKL melalui pasukan KL Watch melipatgandakan kerja-kerja pemantauan pematuhan SOP dengan memperluaskan penguatkuasaan secara berterusan di kawasan hot spot dan tumpuan ramai terutamanya pada hari cuti umum dan kelepasan am bagi memastikan semua warga mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan. Keprihatinan kerajaan terhadap isu dan situasi yang getir ini haruslah ditangani secara bersama terutama dalam komuniti supaya kita berjaya memutuskan rantaian COVID-19 dan menjadi Wilayah Persekutuan sifar COVID-19.

TAN SRI TPr. HJ ANNUAR MUSA
Menteri Wilayah Persekutuan
25 Mei 2021